



## INTERVENSI SOSIAL UNTUK KOMUNITI TERSISIH: KE ARAH PEMBANGUNAN UMMAH

(Social Intervention For Marginalized Community:  
Towards The Development Of Ummah)

<sup>1</sup>SITI HAJAR ABU BAKAR\*

<sup>1</sup>NORALINA OMAR

<sup>2</sup>ABD HADI ZAKARIA

<sup>1</sup>HARIS ABD WAHAB

<sup>1</sup> Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya,  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,  
21300 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia

### ABSTRAK

*Kertas ini membincangkan proses penyisihan sosial dan intervensi sosial yang boleh diambil bagi membantu komuniti tersisih bertindak balas dengan masalah yang mereka alami. Individu atau kumpulan sosial yang mengalami penyisihan sosial sering kali mengalami kecelaruan psikososial, tekanan perasaan yang kronik, kemusnahan nilai kendiri, hilang tujuan hidup, ikatan keluarga yang bermasalah dan kehilangan kepercayaan terhadap fungsi institusi-institusi sosial utama dalam masyarakat. Kesannya, komuniti tersisih yang tidak dibantu juga akan terkeluar daripada kehidupan majoriti dan terlepas peluang sosial untuk memajukan diri yang seterusnya mampu membiakkan pelbagai aktiviti antisosial dan jenayah dalam sebuah masyarakat serta mampu mengancam pertumbuhan ekonomi negara. Justeru, intervensi sosial yang dicadangkan dalam kertas ini memainkan peranan penting dalam mengintegrasikan komuniti tersisih ke dalam kehidupan masyarakat majoriti. Tiga jenis intervensi yang dibincangkan dalam kertas ini ialah remedii sosial, pemulihan sosial dan pembangunan komuniti. Intervensi sosial tersebut dijangka dapat menyumbang kepada kesejahteraan dan pembangunan ummah.*

**Kata kunci:** Remedi sosial, komuniti tersisih, intervensi, penyisihan sosial, pembangunan umah

\*Corresponding author: Siti Hajar Abu Bakar, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, E-mail: shajar@um.edu.my Diterahkan: 7 April 2012

Diterima: 27 Jun 2012

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2012-0402-02>

## ABSTRACT

*This paper discusses social exclusion process and potential remedial actions which could be implemented to assist marginalized community in responding their problems. Individuals or social groups who experiences social exclusions often suffer psychosocial disorder, chronic emotional depression, destruction of self-value, lost of life direction, problematic family ties and lost of confident towards the main social institutional functions in the society. The worst is marginalized community which is not assisted will eligible from mainstream lives, lost of social opportunity for self-development and able to breed numerous antisocial activities and crime as well as affect the country economic growth. Therefore, social interventions suggested in this paper play a significant role as a medium of social integration for the marginalized groups into the mainstream lives. Three social intervention which are discusses in this paper are social remedy, social rehabilitation and community development. The social intervention is expected to contribute to the well-being and the development of ummah.*

**Keywords:** Social remedies, marginalized community, remedial actions, social exclusion, development of ummah.

## PENDAHULUAN

Jumlah penagih dadah terkumpul semenjak tahun 2000 sehingga 2008 adalah seramai 126,153 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia 2010), pendaftaran Orang Kelainan Upaya (OKU) seluruh negara sehingga Ogos 2010 sahaja adalah seramai 313,685 orang, jumlah jenayah indeks bagi tahun 2008 pula adalah sebanyak 211,645 dan pada tahun 2008 sahaja bilangan anggota masyarakat yang dijangkiti AIDS ialah seramai 941 orang dan HIV ialah seramai 3682 (Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat 2009). Perangkaan-perangkaan jenayah dan masalah sosial tersebut secara tidak langsung memaparkan kewujudan sekumpulan anggota masyarakat yang tersisih di dalam negara.

Aspek penting yang perlu diberi perhatian berkenaan dengan perangkaan-perangkaan di atas adalah mengenai sekumpulan manusia yang sama ada menjadi pelaku, anggota keluarga yang menjadi mangsa kepada perlakuan pelaku, dan/ atau individu-individu lain yang sama-sama mendiami persekitaran sosial di mana masalah-masalah tersebut wujud. Ini kerana setiap masalah sosial berkenaan mempunyai kesan sosial yang kritikal ke atas kehidupan setiap anggota yang mengalaminya serta individu yang berada di persekitarannya. Mereka mengalami pengalaman sosial yang rata-ratanya bersifat membinaaskan terhadap kesejahteraan hidup mereka. Sekiranya perkara tersebut tidak dibendung, kesejahteraan dan

ketamaduhan sesebuah masyarakat boleh terancam. Oleh itu, satu usaha untuk memahami dengan terperinci mengenai komuniti tersisih; iaitu siapa mereka, apakah bentuk-bentuk penyisihan sosial yang dialami dan/atau dikenakan ke atas mereka, mengapa mereka tersisih serta bagaimana penyisihan ke atas mereka boleh dicelah wajar dilakukan. Kertas konsep ini merupakan satu usaha awal untuk memahami kumpulan sosial dan fenomena sosial ini dan mengenal pasti usaha-usaha membantu yang bersesuaian untuk memulihkan kesejahteraan mereka bagi membangunkan ummah.

## **MAKSUD PENYISIHAN SOSIAL**

Istilah ‘tersisih’ berakar-umbi daripada konsep penyisihan sosial (*social exclusion*) yang telah menular dengan rancak di dalam bidang pengajian dasar sosial di negara-negara maju. Konsep ini digunakan secara meluas di Perancis pada tahun 1970an, tahun 1990an di Kesatuan Eropah dan di United Kingdom pada tahun 1997 bagi menjustifikasi sebab-musabab mengapa ada segelintir kumpulan sosial dalam masyarakat ketinggalan atau terkebelakang dalam arus pemodenan negara, maka ia memerlukan serangkaian remedii sosial yang munasabah.

Siti Hajar (2009) menyatakan istilah ‘penyisihan sosial’ digunakan bagi merujuk kepada sekumpulan faktor risiko dan serangkaian proses ekonomi dan sosial yang menekan dan menghalang keupayaan individu dan/atau sekumpulan anggota masyarakat daripada menjalankan fungsi dan peranan sosial mereka dengan lancar. Serangkaian keadaan dan proses sosial dan ekonomi yang bersifat destruktif ini menyebabkan individu dan/atau sekumpulan anggota masyarakat yang hidup dalam keadaan sosial tersebut ditolak ke arah atau satu paras kehidupan yang memudaratkan. Proses ‘ditolak ke satu arah’ ini mempunyai kaitan rapat dengan perkataan ‘*marginalized*’ yang kata dasarnya adalah ‘*margin*’ yang bermakna ‘satu paras garisan’. Itu sebabnya kebanyakan pengkaji isu ini (cth: Littlewood 1999; Percy-Smith 2000; Pierson 2001; Silver 1995; Taket 2009; Verma 2002) dalam perbincangan mereka mengenai komuniti tersisih di negara-negara Eropah merujuk komuniti tersisih sebagai:

*...certain groups on the margins of society who were cut off from regular resources of employment and the income safety nets of the welfare state as well as powerful institution, such as trade unions, that might have given them a voice.*

Sebagai contoh, ketiadaan asas pendidikan dan kemahiran hidup yang baik menyukarkan individu untuk mendapat pekerjaan atau bersaing dalam dunia pekerjaan yang berasaskan merit pendidikan. Kegagalan individu berkenaan untuk bersaing dalam pasaran buruh menyebabkannya tidak layak menyertai

sebarang bentuk kesatuan sekerja. Beliau juga tidak akan dilindungi oleh sebarang bentuk skim perlindungan sosial kerana kebanyakan negara mengintegrasikan hampir semua program perlindungan sosial mereka ke dalam pekerjaan individu (*workplace benefits*). Pendek kata, kegagalan menyertai sebarang bentuk kesatuan kerja ini seterusnya menyebabkan dia dan keluarganya tidak layak dilindungi oleh sebarang bentuk manfaat sosial pekerjaan atau skim perlindungan sosial yang disediakan oleh majikannya. Keadaan ini seterusnya meletakkan seseorang itu dalam kemiskinan.

Penyisihan sosial juga boleh dilihat sebagai satu tindakan sosial terancang bagi mendiskriminasi atau menafikan hak segelintir anggota komuniti (Byrne 1999; Herbert 2005; O'Brien 1997; Rodgers 1995; Taket 2009). Dalam menyokong definisi ini, Alcock et al. (2002) menyatakan:

*Social exclusion is the process whereby social groups or individuals are pushed to the edges of society....where the political processes may ignore the interests and views of minority groups....or, marginalized the needs of those who cannot afford to purchase goods in the market place.*

Tindakan terancang ini boleh dilakukan oleh sekumpulan aktor atau sekumpulan anggota masyarakat yang mempunyai kuasa politik, kuasa ekonomi dan status sosial yang istimewa untuk ‘mengeluarkan’, mengabaikan atau menafikan hak sekumpulan anggota masyarakat daripada sama-sama menikmati pembangunan yang berlaku. Sebagai contoh, terdapat beberapa isu berkaitan perkhidmatan perumahan dan pengangkutan di negara kita yang dikatakan tidak sensitif dengan keperluan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU). Sistem pasaran perumahan dan pengangkutan yang berasaskan perniagaan hanya memberi keutamaan kepada keuntungan. Pemaju perumahan dan pengusaha pengangkutan tidak mahu atau keberatan untuk membina perumahan dan pengangkutan mereka dengan reka bentuk yang mesra OKU kerana keperluan OKU dilihat sebagai keperluan kumpulan minoriti (Malpass 2010; Oliver 1998). Oleh itu, adalah tidak menguntungkan menyediakan perkhidmatan sosial untuk mereka. Apatah lagi, keperluan sosial khusus untuk golongan-golongan sebegini lazimnya mahal dan menyulitkan.

Kedinamikan keadaan dan proses penyisihan sosial mendesak agar sebarang usaha untuk memahami makna penyisihan sosial mengambil kira dua aspek berikut; persekitaran sosial di mana penyisihan sosial wujud dan berlaku, dan serangkaian sebab-musabab yang berisiko tinggi untuk ‘menolak’ individu dan/atau sekumpulan anggota dalam masyarakat ke satu paras atau garis kehidupan yang membinasakan. Kedua-dua aspek ini dibincangkan dengan lebih mendalam dalam bahagian seterusnya artikel ini.

## **TIPOLOGI KOMUNITI TERSISIH, BENTUK-BENTUK PENYISIHAN DAN SEBAB-MUSABAB TERSISIH**

Hubungan antara setiap faktor sebab-masabab penyisihan sosial dengan tipologi dan bentuk penyisihan sosial bersifat sangat kompleks. Ketiga-tiganya saling berkaitan dan saling mempengaruhi di antara satu sama lain. Maka itu, perbincangan mengenai siapa komuniti tersisih, bentuk-bentuk penyisihan yang mereka alami serta faktor-faktor yang menyebabkan mereka tersisih dibincangkan secara serentak dalam bahagian ini.

Penagih dadah dan arak, penjenayah, pesakit AIDS dan HIV, pekerja seks, kanak-kanak delinkuen, kanak-kanak mangsa penderaan, kanak-kanak yang dieksplorasi untuk aktiviti tidak bermoral, pendera kanak-kanak, penyeleweng norma dan budaya sosial, orang kurang berupaya, komuniti miskin, keluarga bermasalah, orang tua terdampar, pendatang asing, individu yang berkelakuan seks tidak normal atau di luar tabi manusia dan tularan heteroseksual sering kali dilihat sebagai sekumpulan anggota masyarakat yang bermasalah. Sama ada menjadi mangsa atau pemangsa, mereka inilah yang sering dirujuk sebagai individu, anggota masyarakat dan/atau komuniti tersisih. Ini kerana pengalaman hidup mereka menepati kebanyakan definisi komuniti tersisih yang dibincangkan oleh literatur-literatur akademik. Mereka adalah sekumpulan individu kelas bawahan (Pierson 2001) yang mengalami masalah kesukaran hidup, kemiskinan hidup, gagal menjalankan fungsi sosial dan ekonomi dengan berkesan disebabkan oleh pelbagai penafian sosial yang seterusnya menyebabkan mereka tidak menerima peluang sosial untuk memajukan diri.

Penyisihan sosial boleh diklasifikasikan kepada dua bentuk utama; penyisihan sosial objektif dan penyisihan sosial subjektif (Byrne 1999; Pierson 2001; Rodgers 1995; Silver 1995). Kemiskinan, kekurangan bukan-material (seperti buta huruf, buta teknologi, ketiadaan kemahiran hidup), penyisihan daripada kehidupan keluarga dan komuniti boleh dilihat sebagai bentuk penyisihan objektif. Ia adalah proses penyisihan yang nyata; iaitu fizikal dan impaknya boleh dilihat dan diukur secara jelas. Sebaliknya, penyisihan sosial subjektif mempunyai kaitan rapat dengan entiti norma, budaya, fahaman agama, ideologi politik, nilai sosial, genetik dan entiti personaliti yang dipegang oleh individu atau sekumpulan anggota komuniti. Penyisihan yang dilakukan ke atas kumpulan sosial yang mengalami sahsiah diri yang tidak/kurang normal (seperti individu yang cepat naik angin, individu yang bersifat diktator, ketua yang pasif), kumpulan sosial yang mengalami pelbagai bentuk kelainan upaya (seperti OKU fizikal dan mental), individu dan kumpulan sosial yang mengamalkan budaya atau fahaman agama yang tertentu, penyisihan politik, penyisihan daripada cara hidup yang sewajarnya (*minimal acceptable way of life*), penyisihan budaya kerana faktor ras/etnik dan jantina boleh dimasukkan dalam bentuk ini. Penyisihan ini sukar dilihat secara nyata.

Kewujudan pelbagai halangan ruang (*spatial intensifiers*) seperti pengasingan sosial dan geografi juga menyumbang kepada penyisihan sosial objektif (Ward Thompson 2007). Kebanyakan literatur dan kajian-kajian terdahulu mengenai penyisihan sosial memperlihatkan fenomena sosial ini wujud di dalam persekitaran komuniti yang sesak dan miskin, komuniti yang tahap aktiviti sukarela atau aktiviti sosial dalam komunitinya rendah, komuniti yang tinggi kadar jenayahnya dan komuniti yang hidup di kawasan ekonomi yang mundur. Lokasi-lokasi sebegini lazimnya menjadi kawasan tumpuan kumpulan-kumpulan berisiko seperti keluarga induk tunggal yang bermasalah, pendatang asing yang tidak sah, penyeleweng undang-undang dan pelanggar norma sosial.

Satu faktor lagi yang kelihatan dominan dalam menyumbang kepada amalan penyisihan sosial objektif dan subjektif adalah faktor polisi sosial (Deakin 1995; Gleeson 2006; Hope 1994; Malpass 2010; Rodgers 1995; Verma 2002). Setiap dasar sosial yang digubal oleh pemerintah mempunyai impak negatif kepada segelintir anggota masyarakat; walaupun impak negatif ini dilihat sebagai diskriminasi positif. Golongan sasar sesebuah dasar sosial lazimnya merujuk kepada golongan masyarakat yang menerima manfaat daripada penggubalan dan perlaksanaan dasar tersebut. Sebaliknya, golongan masyarakat yang tidak berkaitan dengan dasar tersebut lazimnya secara tidak langsung akan tersisih.

## INTERVENSI SOSIAL UNTUK KOMUNITI TERSISIH

Ramai orang beranggapan individu atau kumpulan sosial tersisih adalah liabiliti pada negara. Namun begitu, individu yang terlatih dalam bidang perkhidmatan manusia melihat semua individu mempunyai aset yang boleh dimajukan. Malah, sekiranya kelompok yang tersisih ini tidak dibela, mereka sebenarnya akan menjadi ‘barah’ dalam masyarakat. Atas prinsip ini, komuniti tersisih perlu dibantu. Selain daripada alasan kemanusiaan, mereka perlu dibantu, dirawat dan dipulihkan kerana beberapa sebab. Pertama, impak dan tempias penyisihan sosial ke atas anggota masyarakat yang mengalaminya bersifat membina-sakan sekiranya tiada intervensi dilakukan. Kedua, komuniti tersisih yang tidak dibantu akan terkeluar daripada kehidupan majoriti, institusi sosial, perkhidmatan sosial, jaringan sosial dan peluang-peluang sosial untuk memajukan diri; yang seterusnya mampu menjana pembagai tingkah laku dan aktiviti antisosial dan jenayah. Dalam konteks yang lebih makro, penyisihan sosial yang tidak terbendung mampu mengancam pertumbuhan ekonomi negara. Ini kerana ia mengancam kelancaran dua jenis ikatan sosial dan ikatan ekonomi masyarakat; iaitu perpaduan mekanikal (*mechanical solidarity*) dan perpaduan organik (*organic solidarity*). Kedua-dua jenis perpaduan ini menjadi asas kepada tingkah laku ekonomi dan sosial individu (Putnam 2001).

Penyisihan sosial menyebabkan anggota masyarakat hilang nilai-nilai kolektif yang menjadi asas utama fabrik sosial dan kesalingbergantungan ekonomi masyarakat. Penyisihan sosial yang melihat individu atau kumpulan sosial tertentu ‘tidak layak’, perlu ‘dielakkan’, perlu didiskriminasi secara ekonomi atau tidak sepatutnya mendominasi aktiviti ekonomi tertentu menyebabkan hubungan industri tergugat. Dari aspek psikologi pula, individu atau kumpulan sosial yang mengalami penyisihan sosial sering kali mengalami kecelaruan-kecelaruan psikososial seperti kehilangan identiti diri dan identiti budaya, kesukaran untuk membina hubungan sosial dengan individu lain, mengalami tekanan perasaan yang kronik, kemusnahan nilai kendiri, hilang tujuan hidup, terputus ikatan kekeluargaan, dan kehilangan kepercayaan terhadap fungsi institusi-institusi sosial utama dalam masyarakat. Sekiranya gagal dibendung, keadaan tersebut mampu melahirkan lebih ramai anggota masyarakat yang antisosial, psiko dan bermasalah. Pendek kata, tindakan menyisihkan komuniti tertentu mempunyai kesan yang bersifat destruktif kepada masyarakat secara keseluruhan sekiranya tidak dibantu secara berkesan. Justeru, serangkaian intervensi sosial yang mampu bertindak balas dengan faktor-faktor yang menyebabkan penyisihan sosial berlaku dan serangkaian program sosial yang mampu mengintegrasikan komuniti tersisih ke dalam kehidupan masyarakat majoriti perlu dicari agar masalah ini dapat dibasmi.

Midgley (1995) berpendapat komuniti yang sejahtera adalah komuniti yang berupaya memenuhi keperluan asasnya secukup hidup, berjaya mengurus masalah sosial yang mengancam kesejahteraan kehidupan komunitinya dan sentiasa berpeluang untuk memajukan diri dan komunitinya ke tahap optimum. Ketiga-tiga ukuran kesejahteraan sosial ini kemudiannya berkembang menjadi kerangka kerja intervensi sosial dalam bertindak balas dengan masalah komuniti tersisih. Intervensi untuk komuniti tersisih perlu melibatkan serangkaian polisi, institusi, sistem, program dan perkhidmatan sosial yang dapat membantu komuniti tersisih menjalankan fungsi dan peranan sosial, ekonomi dan sivil mereka secara berkesan agar mereka mampu memenuhi keperluan hidup masing-masing dengan berkesan, mampu mengawal dan bertindak balas secara berkesan dengan segala bentuk masalah sosial yang mengancam keharmonian dan kesejahteraan hidup mereka dan menyediakan keadaan sosial yang membuka pelbagai peluang sosial untuk anggota komuniti memperkasa dan memajukan diri dan komuniti mereka. Tiga bentuk intervensi sosial bagi bertindak balas dengan masalah komuniti tersisih ialah:

1. Remedi sosial,
2. Pemulihan sosial, dan
3. Pembangunan komuniti.

## Intervensi Yang Berbentuk Remedi Sosial

Perkataan remedi bermakna memberi rawatan, ‘penawar’ atau ‘ubat’ yang dapat mengurangkan kesan sesuatu kesakitan dan/atau penyakit. Abd. Hadi (2007) melihat remedi sosial sebagai serangkaian tindakan ‘memperbaiki’ keadaan sosial yang mempunyai impak negatif ke atas kesejahteraan hidup masyarakat. Prinsip utama remedi sosial adalah ‘merawat’ atau ‘mengubati’ keadaan sosial yang berisiko. Seandainya rawatan tersebut berupaya memberi penawar atau berjaya mengubati keadaan sosial yang dirawat, ia boleh dilihat sebagai tindakan remedi yang baik. Mengikut perspektif remedi sosial, perkara pertama yang perlu dilakukan apabila bekerja dengan komuniti tersisih adalah merawat dahulu masalah atau ‘penyakit’ yang mereka alami; sebelum intervensi selanjutnya (seperti pemulihan sosial, pendayaupayaan dan pembangunan diri) dilakukan. Sebagai contoh, apabila berurus dengan seorang penagih dadah, perkara pertama yang perlu dilakukan adalah merawat masalah ketagihan atau pergantungannya kepada dadah sebelum membantunya memperbaiki harga dirinya atau melengkapannya dengan kemahiran kebolehpasaran. Begitu juga apabila bekerja dengan komuniti miskin, perkara pertama yang perlu dilakukan adalah memenuhi kekurangan keperluan hidup yang dialaminya. Sekiranya mereka mengalami masalah kekurangan makanan berkhasiat, maka bantuan makanan perlu diberikan terlebih dahulu.

Secara teori, intervensi untuk remedi sosial mempunyai kaitan rapat dengan Teori Keperluan Manusia yang memberi penekanan kepada usaha-usaha untuk memenuhi defisit keperluan yang dialami oleh individu. Remedii tersebut merangkumi usaha-usaha memenuhi keperluan fizikal dan fisiologi (seperti makan dan minum yang berzat dan mencukupi, rehat mencukupi, kesihatan yang baik dan keperluan seksual yang sihat, mencukupi dan memuaskan) serta keperluan keselamatan dan perlindungan (seperti perlindungan daripada ancaman bahaya, tempat tinggal/kediaman yang selamat, jaminan kewangan yang stabil dan negara yang stabil ekonomi dan politiknya) manusia. Semua keperluan berkenaan amat diperlukan oleh anggota komuniti untuk kelangsungan hidup. Kekurangan keperluan asasi memudaratkan fisiologi dan biologi manusia. Dalam keadaan terdesak, individu sanggup bertindak di luar nilai, norma, peraturan dan undang-undang sosial bagi memastikan keperluannya dipenuhi. Sebagai contoh, individu yang lapar sanggup mencuri untuk memenuhi keperluan fisiologi laparnya atau seorang datuk yang kesepian dan tidak mempunyai *sexual outlet* yang sesuai sanggup merogol cucu yang masih kecil bagi memastikan keperluan seksnya dipenuhi. Bagi mereka, perlakuan tersebut merupakan tindakan *survival* mereka. Pendek kata, keperluan hidup yang tidak dipenuhi merupakan punca kepada kejadian pelbagai masalah sosial dan jenayah yang seterusnya menyebabkan individu atau komuniti yang mengalaminya disisihkan.

Remedi sosial telah membuat sumbangan besar dalam banyak program pemasukan sosial untuk komuniti miskin, penjenayah, kumpulan yang antisosial, kumpulan masyarakat yang mengalami pelbagai halangan untuk memajukan diri (*retarded achievement*), kumpulan masyarakat yang tidak berjaya dalam kehidupan (*under-achievers*), kanak-kanak berisiko, golongan berusia terabai, orang kurang upaya dan komuniti yang dalam konflik. Komuniti tersisih ini dibantu menerusi dua bentuk program remedii sosial, iaitu program remedii sosial yang berorientasi manusia (*people-oriented*) dan program remedii sosial yang berorientasi ruang/tempat (*space/place oriented*).

Remedi sosial yang berorientasi manusia memfokuskan kepada tindakan-tindakan rawatan spesifik untuk individu. Ia lazimnya bertindak ke atas defisit kekurangan yang dialami oleh individu/kumpulan sosial tersisih. Contohnya, apabila bekerja dengan komuniti miskin, remedii pertama yang diberikan kepada mereka ialah pelbagai bentuk bantuan kewangan (*cash benefits*) dan bantuan sosial yang bukan berbentuk kewangan (*in-kind benefits*) seperti bantuan makanan, bantuan tempat perlindungan sementara, bantuan, rawatan perubatan, rawatan ketagihan, bantuan sekolah, bantuan alat tiruan untuk kegunaan Orang Kelainan Upaya (OKU) dan sebagainya. Tindakan remedii berkenaan lazimnya diselitkan ke dalam dasar-dasar sosial dan awam Negara; seperti Dasar Fiskal yang prososial, penggunaan kewangan awam untuk membiayai rumah awam bagi rakyat termiskin, pengecualian cukai, kredit khas ke atas bayaran cukai tertentu, pelepasan cukai bagi keluarga yang mempunyai ramai anak, potongan cukai terhadap individu yang mempunyai tanggungan OKU) dan sebagainya. Tindakan-tindakan remedii ini bertindak sebagai mekanisme pencegahan. Fungsinya adalah untuk memenuhi kekurangan keperluan hidup yang dialami oleh individu/komuniti tersisih. Ia adalah tindakan pencelahan yang berfungsi untuk ‘merawat’ kekurangan keperluan yang dialami agar keadaan tersebut tidak memudaratkan lagi kehidupan individu yang mengalaminya. Tindakan remedii berorientasi-manusia juga banyak terlihat dalam intervensi-intervensi untuk komuniti tersisih yang lazimnya dikaitkan dengan perlakuan/kegiatan jenayah. Sebagai contoh, peraturan keluar malam untuk mengawal para remaja yang bermasalah sosial, larangan penjualan rokok dan arak kepada kanak-kanak, program keibubapaan bagi mencegah masalah penderaan rumah tangga, undang-undang sekatan terhadap kumpulan-kumpulan samseng/penjenayah, dan pusat-pusat sehenti untuk kanak-kanak berisiko.

Berbeza daripada remedii berorientasi manusia, remedii sosial yang berdasarkan ruang dan tempat memfokuskan kepada faktor ruang dan lokasi geografi yang berisiko (Brantingham & Brantingham 1981; Clarke 1992; Felson 1994; Sherman & Weisburd 1995; Ward Thompson 2007). Fokus utama intervensi ini adalah mengubah persekitaran fizikal dan pola rutin harian yang berisiko kepada persekitaran fizikal dan pola rutin harian yang selamat. Antara contoh intervensi ini adalah memperkenalkan pelbagai aplikasi reka bentuk

persekitaran sosial seperti zon bebas-dadah, zon bebas-jenayah, kawasan berkamera, kawasan khas pejalan kaki yang tidak boleh dimasuki oleh sebarang kenderaan, menukar arah laluan jalan-jalan tertentu agar tidak menuju ke jalan atau tempat yang berisiko tinggi, rondaan polis, menyediakan pelbagai pusat sehenti untuk kumpulan tersisih dan kumpulan berisiko dan sebagainya. Begitu juga dengan tindakan membangunkan pengangkutan dan perkhidmatan sosial di kawasan-kawasan geografi terpencil bagi membolehkan komuniti tersebut dan komuniti luar akses kepada geografi berkenaan, atau tindakan membina satu ‘kawasan transit’ di sesebuah geografi lokasi yang sebelum ini langsung tidak boleh dimasuki oleh pelancong luar, mengiktiraf sesebuah kawasan geografi sebagai kawasan/zon bebas cukai, zon pembangunan industri dan sebagainya. Pengesahan ‘kawasan transit’ ini secara terancang menyebabkan ramai pelancong dan pelabur luar masuk ke kawasan tersebut yang seterusnya akan membantu memajukan kawasan tersebut dari aspek ekonomi dan sosial.

### **Intervensi Yang Berbentuk Pemulihan Sosial**

Setelah kekurangan keperluan komuniti tersisih dipenuhi, tingkah laku mereka yang bermasalah atau keadaan fizikal dan mental yang menyebabkan mereka tersisih dipulihkan. Intervensi ini dipanggil sebagai pemulihan sosial; iaitu satu bentuk perkhidmatan sosial yang ditujukan untuk memulihkan individu yang terpesong daripada nilai, norma sosial atau individu yang gagal menjalankan fungsi sosial dan ekonominya kerana halangan fizikal, sosial dan mental yang dialami; kepada satu kehidupan yang normal dalam masyarakat (Barton 1999; Gendreau & Ross 1987). Objektif utama tindakan pemulihan sosial adalah untuk mengubah individu yang bermasalah atau individu yang berkeperluan atau individu yang berisiko kepada individu yang lebih baik; dan dengan itu mereka dapat diterima semula oleh masyarakat (Barton 1999). Pemulihan sosial meningkatkan kemampuan sosial, fizikal dan mental individu dengan cara mengubah cara pemikiran, perasaan dan tingkah laku yang bersifat negatif atau destruktif.

Intervensi pemulihan sosial melibatkan pelbagai pendekatan. Sesuai dengan konsep ‘pemulihan’ yang ditujukan kepada mereka yang mengalami rintangan atau masalah baik dari segi fizikal, mental, sosial, vokasional dan ekonomi, pemulihan sosial mencakupi sekumpulan aktiviti yang dibina khusus untuk menghilangkan ketidakmampuan fizikal, emosi dan sosial individu/kumpulan sosial tersisih. Aktiviti-aktivitinya merangkumi usaha membantu dan membimbing individu/kumpulan sosial tersisih ‘mengilap semula’ dan memperkasa semula aset dalaman dan diri mereka.

Pemulihan sosial boleh dijalankan sama ada di dalam institusi atau di dalam persekitaran komuniti; atau di dalam satu persekitaran alternatif. Pemulihan sosial yang dijalankan di dalam persekitaran institusi lazimnya

dilakukan ke atas kumpulan-kumpulan sosial yang telah terlibat dengan pelbagai masalah sosial yang serius atau kumpulan sosial yang sekiranya dibiarkan dalam komuniti akan membahayakan kehidupan komuniti (seperti pesakit mental, perogol, pembunuhan, peliwat kanak-kanak). Sebagai contoh, aktiviti-aktiviti pemulihan sosial terhadap kanak-kanak yang ditahan di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Akhlak, aktiviti pemulihan banduan bagi penjenayah-penjenayah yang sedang menerima hukuman di penjara, program pemulihan ketagihan dan pemulihan sosial bagi penagih dadah di pusat serenti seluruh negara dan program pemulihan sosial bagi OKU. Aktiviti pemulihan sosial yang dijalankan merangkumi pelbagai aktiviti yang dapat memperbaiki kualiti kehidupan pesalah atau individu berisiko dengan membentuk mereka semula menjadi lebih efektif, mampu berdikari, kesedaran bersosial dan penglibatan dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan. Semua aktiviti dibentuk agar dapat memperbaiki sikap dan tingkah laku individu agar ia boleh diintegrasikan semula ke dalam kehidupan masyarakat sebagai seorang individu yang dapat menjalankan fungsi sosial, ekonomi dan sivilnya dengan baik.

Pemulihan sosial dalam komuniti merupakan satu kaedah pencegahan berasaskan situasi yang penting. Ia mengenal pasti faktor-faktor risiko yang wujud dalam persekitaran komuniti; yang berkecenderungan tinggi untuk menolak individu atau kumpulan sosial tertentu ke satu kehidupan yang tersisih. Kemudian, anggota komuniti menggunakan segala sumber yang ada dalam komuniti untuk meredakan, melemahkan, meneutralkan atau menghapuskan impak negatif faktor-faktor risiko tersebut. Intervensi ini bertitik-tolak daripada intervensi penjagaan sosial berasaskan komuniti. Pengalaman penulis bekerja dengan beberapa kumpulan sosial tersisih membuktikan intervensi pemulihan sosial berasaskan komuniti amat efektif dalam menangani masalah tingkah laku berisiko. Sebagai contoh, dalam kajian pengkaji mengenai ‘Program penjagaan sosial untuk kanak-kanak berisiko di Malaysia’ pada tahun 2003 dan kajian ‘Program pemasukan sosial untuk kanak-kanak berisiko di Malaysia’ pada tahun 2008 menunjukkan kanak-kanak Malaysia hari ini membesar dalam persekitaran komuniti yang berbahaya (Siti Hajar & Abd Hadi 2009). Walaupun begitu, persekitaran komuniti yang berbahaya itu juga kaya dengan pelbagai sumber yang boleh bertindak sebagai agen pelindung yang sekiranya digunakan dengan baik mampu untuk mencegah dominasi faktor risiko dalam persekitaran yang berbahaya itu. Gandingan dan kerjasama pintar antara semua sektor dalam komuniti (seperti agensi-agensi sosial formal, keluarga, sekolah, komuniti kejiranian, pertubuhan sukarela, agensi-agensi jaya-diri) mampu menawarkan jaringan program dan aktiviti pemulihan sosial untuk kanak-kanak berisiko. Intervensi pemulihan sosial berdasas komuniti semakin mendapat tempat dalam kebanyakan negara. Tiga program utama pemulihan sosial berdasas komuniti yang didapati berjaya membantu mengubah, mencegah dan mengawal perlakuan komuniti tersisih adalah Program Kepolisian Masyarakat (*Community Policing*), Program Bantuan Bersama (*Mutual Help Schemes/Program*) dan Program Jaya-Diri (*Self-Help Programs*).

Program Kepolisian Masyarakat umpamanya, melibatkan kerjasama aktif dan proaktif setiap anggota komuniti dan agensi-agensi sosial formal (seperti polis, kesihatan, pendidikan, perumahan, kejiranan) dalam menjaga ketenteraman dan kesejahteraan awam. Program ini dilaksanakan atas kesedaran bahawa kehidupan harian individu lebih banyak berlangsung di dalam ruang awam bersama anggota komuniti. Pemulihan sosial berasaskan komuniti ini banyak diaplikasikan ke dalam program-program pencegahan jenayah (seperti *Neighbourhood Watch, Anti-crime Patrols, Rukun Tetangga*). Pemulihan jenayah (seperti *restorative justice programs, family conferencing program*), program pemerkasaan kumpulan sosial khusus untuk golongan OKU, golongan berusia, penjaga tak formal dan program-program membangun semula kawasan/lokasi berisiko (seperti Sistem perumahan berasaskan kejiranan, program-program pembangunan komuniti secara kolektif dan program-program perumahan komuniti yang bukan berasaskan keuntungan) banyak dikembangkan daripada intervensi pemulihan sosial yang berasas komuniti.

Begitu juga dengan Program Bantuan Bersama dan Program Jaya Diri. Program-program pemulihan sosio-ekonomi ini bertujuan untuk memajukan ekonomi golongan terpinggir bandar dan luar bandar. Ahli keluarga, rakan-taulan, jiran, rakan sekerja dan ahli-ahli pertubuhan sukarela merupakan sumber utama. Mereka menggunakan sumber-sumber dalaman dan kepakaran dalaman yang dimiliki oleh setiap ahli komuniti dalam membantu diri sendiri dan ahli komuniti. Ahli komuniti yang menghadapi masalah yang sama menyelesaikan masalah yang dihadapi secara bersama; dengan bantuan sektor-sektor sosial dan ekonomi yang terdapat dalam komuniti. Mereka juga bersama-sama menyediakan bantuan yang lebih spesifik; sesuai dengan keperluan individu. Contoh-contoh program pemulihan sosial sebegini ialah program kerjasama ibu bapa di dalam perkhidmatan penjagaan anak berkeperluan khas, penjagaan komuniti terhadap orang tua uzur yang terdapat dalam kawasan kediaman, program-program kebajikan-pekerjaan (*workfare*) yang berasaskan komuniti seperti kumpulan pembelian dan pemasaran produk makanan setempat (*Local Food Buying Groups*), Persatuan simpanan kewangan bersama (*Mutual Saving Associations*), Kesatuan Kredit (*Union Credits*), program-program kumpulan jaya-diri kanser, HIV/AIDS, ketagihan arak/dadah/ganja/rokok dan sebaginya.

### **Intervensi yang berbentuk pembangunan komuniti**

Selain keperluan asasi, individu juga memerlukan keperluan perkembangan diri untuk memajukan diri, menggunakan potensi diri yang dimiliki seoptimum yang mungkin, mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran hidup. Berkaitan dengan hal ini, intervensi seterusnya untuk komuniti tersisih setelah dipulihkan

daripada halangan-halangan personal, fizikal dan mental yang menyebabkan mereka gagal menjalankan fungsi sosial, ekonomi dan sivil secara berkesan adalah memberi mereka ruang untuk akses kepada pelbagai jenis peluang sosial dan ekonomi yang mampu memajukan diri dan komuniti.

Intervensi pembangunan komuniti mempunyai kaitan rapat dengan program pemasukan sosial komuniti tersisih ke dalam program-program pemerkasaan modal sosial seperti program pendidikan, program latihan kemahiran, program vokasional dan program-program pembinaan pengetahuan, kreativiti, personaliti, daya usaha dan program keyakinan diri. Putnam (2001) mendapati intervensi ini mampu meningkatkan kualiti hidup komuniti tersisih, mengurangkan kadar jenayah dalam komuniti, meningkatkan kadar toleransi antara anggota komuniti, meningkatkan peluang untuk menyertai pelbagai kegiatan ekonomi dalam satu sistem ekonomi yang lebih adil, dan meningkatkan semangat sivik dan nilai moral yang tinggi di kalangan anggota komuniti.

Sealiran dengan strategi pelaburan sosial, tiga jenis intervensi pembangunan komuniti yang mampu mengubah hidup komuniti tersisih ialah program sosial dan program ekonomi yang mampu menghasilkan modal insan yang produktif dan berkemahiran, program pembangunan modal sosial yang menyokong pertumbuhan ekonomi komuniti tersisih, dan program peluang sosial yang mampu memindah dan menghapuskan halangan untuk anggota masyarakat menyertai aktiviti ekonomi dan sosial. Terdapat banyak contoh intervensi sosial yang dirancang mengikut tiga strategi berkenaan yang didapati oleh kebanyakan negara telah berjaya mengubah kehidupan komuniti tersisih. Antaranya adalah Program perkhidmatan pekerjaan dan Bantuan Mencari Pekerjaan (*Employment services and Job Search Assistant*), Program Latihan dan Latihan Semula (*Training and Retraining Programs*), Program Subsidi Upah (*Wage subsidies programs*), Program pembangunan perusahaan/perniagaan kecil-kecilan (*micro enterprise*), Bantuan bekerja sendiri (*Self-employment assistance*), Program kerja awam (*public works*), Program pewujudan peluang pekerjaan (*Job creation programs*), penghapusan halangan-halangan sosial dan halangan-halangan institusi untuk menyertai aktiviti ekonomi dan sosial dan Program Tindakan Komuniti Tersisih (*Marginalized Community Actions*). Selain itu, tindakan membuka akses komuniti tersisih kepada perkhidmatan kesihatan dan pemakanan, kebajikan kanak-kanak, perkhidmatan untuk kumpulan berkeperluan khas (seperti OKU), pendidikan kesihatan ibu mengandung, perancangan dan pengurusan keluarga, pendidikan kanak-kanak, infrastruktur sosial (seperti jalan raya, pengangkutan, sekolah, sistem pengairan pertanian, sistem air minum awam yang bersih dan berzat, klinik, hospital) dan tindakan membina jaringan sosial kerja (*social networking*) untuk komuniti tersisih juga merupakan tindakan pembangunan komuniti yang penting dalam membantu memajukan diri komuniti tersisih.

## PENUTUP

Usaha-usaha pemasukan sosial bertujuan untuk mengintegrasikan semula komuniti tersisih ke dalam kehidupan masyarakat majoriti memerlukan usaha sama, kesungguhan dan keikhlasan setiap anggota komuniti dan setiap agensi/sektor sosial yang terdapat dalam komuniti. Ini kerana keupayaan komuniti tersisih untuk berintegrasi dalam kehidupan sosial majmuk tertakluk kepada kualiti dan struktur persekitaran sosial dalam memberi peluang kepada mereka untuk memajukan diri dan melibatkan diri dalam setiap aspek kehidupan masyarakat. Sekiranya ketiga-tiga perkara tersebut boleh dijamin kewujudannya, jalan untuk mengintegrasikan komuniti tersisih ke dalam kehidupan majoriti terbuka luas. Sesungguhnya, usaha yang dilakukan dalam semua intervensi sosial tersebut dapat menyumbang ke arah pembangunan ummah.

## RUJUKAN

- Abd. Hadi Zakaria. 2007. Social remedies. Prosiding Seminar Remedi Sosial di Malaysia: Intervensi dan Strategi. Hotel Legend, Kuala Lumpur. 13-14 November.
- Alcock, P., Erskine, A., & May, M. 2002. *Dictionary of Social Policy*. Oxford: Blackwell Publishing.
- Barton, R. 1999. Psychosocial rehabilitation services in community support systems. A review of outcomes and policy recommendations. *Psychiatric Services* 50(4): 525-534.
- Brantingham, P. J. & Brantingham, P/L. 1981. *Environmental Criminology*. Beverly Hills, CA: Sage Publications.
- Byrne, D. S. 1999. *Social Exclusion*. Philadelphia: Open University Press.
- Clarke, R. V. 1992. *Situational Crime Prevention: Successful Case Studies*. Albany, NY: Harrow & Heston.
- Deakin, N. 1995. *Public Welfare Services and Social Exclusion. The Development of Consumer-Oriented Initiatives in The European Union*. Shankill, co, Dublin, Ireland: Europe Foundation for the Improvement of Living and Working Conditions.
- Felson, M. 1994. *Crime and Everyday Life: Insights and Implications for Society*. Thousand Oaks, CA: Pine Forge Press.

- Gendreau, P. & Ross, R. R. 1987. Meta-analysis of rehabilitation programs for juvenile delinquents: A brief report. *Criminal Justice and Behavior* 17: 134-142.
- Gleeson, B. 2006. *Creating Child Friendly Cities: Reinstating Kids in the City*. Abingdon, Oxon: Routledge.
- Herbert. L. A. 2005. Talking “difference” seriously: Women’s social movements and the politics of inclusions and exclusion. Ph.D. Thesis. University of Denver.
- Hope, T. J. 1994. Problem-oriented policing and drug market locations. Three case studies. Dalam Clarke, R.V (ed.). *Crime Prevention Studies*. Vol. 2. Monsey, NY: Criminal Justice Press.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2010. Penagih dadah di Malaysia. Perangkaan sosial terpilih Siri 12/2010. <http://www.statistics.gov.my/cound12/click.php?id=1> [3 Februari 2011].
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. <http://www.kpkwm.my/statistik> [ 27 Disember 2010].
- Littlewood, P. 1999. *Social Exclusion in Europe: Problems and Paradigms*. Aldershot: Ashgate.
- Malpass, P. 2010. *Housing, Market and Policy*. London: Routledge.
- Midgley, J. 1999. Growth, redistribution, and welfare: towards social investment. *Social Service Review* 73(1) : 3-11.
- O’Brien, D. 1997. *Poverty and Social Exclusion in North and South*. Brighton: Institute of Development Studies.
- Oliver, M. 1998. *Disabled People and Social Policy: from Exclusion to Inclusion*. London: Longman.
- Pierson, J. 2001. *Tackling Social Exclusion*. London: Routledge.
- Percy-Smith, J. 2000. (Ed). *Policy Responses to Social Exclusion: Towards Inclusion?* Buckingham: Open University Press.
- Putnam, R. 2001. Social capital measurement and consequences. *ISUMA* 2(1): 9-28.

- Rodgers, G. 1995. *Social Exclusion: Rhetoric, Reality and Responses*. Geneva: International Institute for Labor Studies.
- Rohani Ibrahim. 2010. Mengiktiraf peranan OKU. Utusan Malaysia 11 Disember.
- Sherman, L. W. & Weisburd, D. 1995. General deterrent effects of police patrol in crime “hot spots”: A randomized, controlled trial. *Justice Quarterly* 12(4): 625-648.
- Silver, H. 1995. Reconceptualizing social disadvantage: three paradigms of social exclusion. In Rodgers, G., Gore, C. & Figueiredo, J.B. (Eds). *Social Exclusion: Rhetoric, Reality, Response*. Geneva: Institutes of International Labour Studies. Pp. 58-80.
- Siti Hajar Abu Bakar Ah. 2009. Intervensi sosial untuk komuniti tersisih di Malaysia. Dalam Raihanah Abdullah (penyunting). *Pembelaan Kumpulan Minoriti di Malaysia*. hlm.181-205. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Taket, A. R. 2009. *Theorising Social Exclusion*. London: Routledge.
- Verma, G.K. 2002. *Migrants and Social Exclusion: A European perspective*. International Conference on Lifelong Learning. Kuala Lumpur. Pp 88-104.
- Ward Thompson, C. 2007. *Open Space: People Space*. Abingdon, Oxon: Taylor & Francis.